



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia
Tahun 2023

**Bahasa Melayu
Kertas 1**

1103/1



1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

| | | |
|--------------------|---|-----------------|
| Kod Mata Pelajaran | : | 1103/1 |
| Bentuk Ujian | : | Ujian Subjektif |
| Markah Penuh | : | 100 Markah |
| Masa | : | 2 Jam |

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 1 mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A : Mengandungi 1 soalan (30 markah).
Soalan wajib dijawab.

Bahagian B : Mengandungi 4 soalan pilihan (70 markah).
Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja.

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Pada keseluruhannya, calon memahami tugas soalan dengan tepat dan dapat menghuraikan idea dengan jelas. Bagi calon cemerlang, kematangan dalam menyampaikan idea terserlah dengan huraian jelas dan contoh yang sesuai. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum tatabahasa bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan tidak dapat menyampaikan idea dengan baik dan berkesan.

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Karangan calon menepati tema soalan. Idea dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Bahasa calon pula gramatis dari aspek kata dan ayat, kosa kata luas serta tepat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Wacananya lengkap dan unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Calon turut menggunakan ungkapan menarik.

Kumpulan Prestasi Sederhana


Jawapan calon masih menepati tugas berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Idea calon masih relevan. Huraian idea masih jelas. Calon menggunakan bahasa yang masih gramatis dari aspek kosa kata dan ayat. Selain itu, penggunaan kosa kata umum dan terhad. Wacananya masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan kemalangan jalan raya di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang kemalangan jalan raya di Malaysia.

Panjang huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.



Calon perlu menulis maklumat bagi menghuraikan **faktor / punca berlakunya kemalangan jalan raya di Malaysia**. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:

- penggunaan telefon bimbit semasa memandu
- kerosakan jalan raya

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Dasawarsa ini, kemalangan jalan raya antara cabaran sukar yang perlu ditangani oleh negara ini yang merekodkan purata 17 kematian saban hari dengan kebanyakannya membabitkan pesunggang dan pembonceng motosikal. Malah, media baru ini melaporkan negara mencatatkan satu kematian akibat rashes jalan raya bagi setiap 84 minit. Menurut Ketua Penolong Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman, Superintendan Dr. Bakri Zainal Abidin, kira-kira 12 kemalangan maut dilaporkan setiap hari pada peringkat awal penularan pandemik COVID-19, berbanding dengan 17 kes pada 2019. Persoalannya, apakah faktor-faktor berlakunya kemalangan jalan raya di Malaysia?

Faktor utama yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya ialah penggunaan telefon bimbit semasa memandu. Masyarakat ^{kini} pada hari ini kurang mempunyai kesedaran tentang keselamatan jalan raya dan bersikap seperti erau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing. Penggunaan telefon bimbit semasa memandu menyebabkan mereka hilang tumpuan semasa memandu, seterusnya membahayakan pengguna jalan raya yang lain. Jelaslah, bahawa penggunaan telefon bimbit semasa memandu merupakan ^{faktor berlakunya kemalangan} ~~isu~~ yang perlu dititikberatkan bagi memastikan keselamatan ~~rute masyarakat~~ di jalan raya.

Di samping itu, kerosakan jalan raya juga merupakan faktor berlakunya kemalangan jalan raya di Malaysia. Hal ini terdus apabila disebabkan turapan tar yang tidak rata dan jalan raya yang berlubang. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman, sebanyak 101 kematian ~~disebabkan~~ ~~pada~~ akibat kerosakan jalan raya direkodkan pada tahun 2015 manakala pada tahun 2014, sebanyak 89 orang mengalami cedera ringan. ~~mengelakkan~~ ~~sejarah~~ ~~ini~~ ~~berlanjutan~~, ~~pihak~~ ~~kerajaan~~ ~~hendaklah~~

~~menyalesggar~~ jalan raya dari semasa ke semasa sudah terang lagi bersuluh bahawa kerosakan jalan raya menjadi punca berlakunya kemalangan jalan raya di negara kita.

Konklusinya, semua pihak perlulah ^{bekerjasama} ~~bergunoting~~ bahu bagi aur dengan tebing bagi membendung masalah ~~kemalangan jalan raya~~ ini. Sekiranya semua pihak memberi kerjasama ~~yang menyeluruh~~, kes kemalangan jalan raya dapat disifarkan demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Calon menjawab tugas soalannya dengan tepat. Calon dapat menghuraikan faktor / punca berlakunya kemalangan jalan raya seperti penggunaan telefon bimbit semasa memandu dan kerosakan jalan raya.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasannya tentang faktor / punca kemalangan jalan raya.

Pada bahagian **huraian idea**, kedua-dua idea yang diuraikan iaitu penggunaan telefon bimbit semasa memandu dan kerosakan jalan raya adalah jelas serta matang disertakan dengan contoh yang sesuai.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai kosa kata dan ungkapan yang **luas** serta **tepat**, contohnya *turapan tar yang tidak rata, seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing, sudah terang lagi bersuluh, bagi aur dengan tebing dan kemalangan jalan raya dapat disifarkan*. Selain itu, bahasa yang digunakan oleh calon juga **bervariasi**. Laras yang digunakan sesuai dengan tugasannya.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyatakan harapan agar kemalangan jalan raya dapat disifarkan demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

pada hari ini isu kemalangan jalan raya selalu diperkatakan. Hal ini diperkatakan demikian kerana kemalangan jalan raya antara cabaran sukar yang perlu ditangani oleh negara ini yang merendahkan purata 17 kematian saban hari dengan kebanyakannya membabitkan penunggang dan pemborceng motosikal. persoalannya, mengapakah isu sedemikian sering menjadi buah mulut masyarakat? Oleh itu, marilah kita membincangkan ^{faktor dan kesan} kemalangan jalan raya di Malaysia.

Sesungguhnya ^{faktor} kemalangan jalan raya ^{yang pertama} merupakan salah penggunaan telefon bimbit semasa memandu. Hal ini demikian kerana masyarakat menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Sebagai contoh, mereka menerima mesej atau panggilan telefon semasa memandu tanpa ~~menggunakan~~ menghiraukan ^{penderaan} ~~pe~~ lain di hadapan. Kita haruslah memberhentikan kenderaan semasa memandu berjalan ^{ketika} menerima sebarang mesej atau panggilan agar hyawa sendiri mahupun pengguna jalan raya tidak terkorban. Oleh itu, kita dapat mewujudkan masyarakat yang bersikap berhati-hati semasa memandu.

Sesungguhnya kesan kemalangan jalan raya ialah kerosakan jalan raya yang mengakibatkan ^{berlaku} kematian dan kecederaan ^{di jalan} di jalan raya. Hal ini demikian kerana ~~pada~~ menurut sumber data Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik ^{menunjukkan} Bukit Aman pada tahun 2015 ~~sejamai 101~~ ^{tertinggal lebih 100 orang} angka ~~kebati~~ maut akibat kerosakan jalan raya yang ~~paling tinggi~~ ^{sepanjangnya} ~~selama itu~~ ^{menunjukkan} pada tahun ~~2015~~ ^{angka} 2016, 2017 dan 2018 menunjukkan kadar penurunan angka maut akibat ^{kerusakan} ~~kerusakan~~ jalan raya. Jalan raya kesan daripada kecederaan yang timbul untuk menghargai nyawa dan arang ^{negara} ~~negara~~. Oleh itu, kita dapat mewujudkan ^{negara} ~~negara~~ yang aman ^{umpama} ~~umpama~~ ^{bagai} ~~bagai cendawan tumbuh selepas hujan.~~

Kesimpulannya, semua pihak mestilah bekerjasama mengatasi isu ini. Kita tidak kita akan dipandang rendah oleh negara lain. Semoga kita dapat melahirkan ~~mas~~ ~~se~~ masyarakat yang gemilang. Namun ~~berku~~ begitu bar kata peribahasa melentur biarlah dari rebungunya.

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat mengenal pasti punca kemalangan.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu membincangkan punca kemalangan jalan raya. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh yang diberikan masih sesuai. Contohnya, "Sesungguhnya kesan kemalangan jalan raya ialah kerosakan jalan raya yang mengakibatkan berlaku kematian dan kecederaan di jalan raya."

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti "kita haruslah memberhentikan kenderaan **semasa pemanduan berjalan** ketika menerima sebarang mesej atau panggilan (kita haruslah memberhentikan kenderaan ketika menerima mesej atau panggilan)" dan "oleh itu, kita dapat mewujudkan negara yang **aman** umpama ^{umpama} ~~umpama~~ ^{bagai} ~~bagai~~ cendawan tumbuh selepas hujan (oleh itu, kita dapat mewujudkan negara yang **selamat**". Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyatakan bahawa setiap pihak berperanan mengatasi punca kemalangan jalan raya.

2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

2.3.1 Calon

- a) Menguasai semua kemahiran dan tema dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mestilah menjadi rujukan utama calon.
- b) Membaca bahan seperti majalah, akhbar, jurnal dan karya sastera seperti novel serta cerpen untuk menambahkan pengetahuan, memantapkan fikiran, mengikuti perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.
- c) Membuat latihan menulis karangan dalam pelbagai format agar dapat menguasai semua format karangan dan menyampaikan idea dengan bahasa yang gramatis, pengolahan yang menarik serta laras bahasa yang betul.
- d) Menguasai kemahiran menganalisis bahan/tugasan. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
- e) Menyenaraikan isi ringkas atau menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menepati peruntukan masa.

2.3.2 Guru

- a) Menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP. Buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mestilah menjadi rujukan utama guru.
- b) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi menyelesaikan sukatan mata pelajaran supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- c) Memantapkan asas penulisan karangan murid pada peringkat menengah rendah agar mereka memahami cara merangka karangan, format menulis karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.
- d) Membincangkan pelbagai isu semasa dengan murid semasa PdP agar mereka dapat mengemukakan isi-isi yang matang, pemikiran kritis dan idea yang analitik dalam karangan.
- e) Memberikan penekanan dan membudayakan aspek koheren dan kohesi dalam isi karangan.
- f) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Sebahagian besar calon dapat menjawab tugas dengan baik. Mereka dapat menyampaikan, menghuraikan dan mengolah idea dengan jelas. Calon juga berjaya membuktikan kemampuan dan kebolehan menghasilkan karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan. Calon juga dapat mengemukakan contoh yang relevan. Hal ini menunjukkan bahawa calon mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan dengan tugas soalan.

2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan. Calon mampu menghuraikan idea dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis dan kosa kata yang luas serta tepat. Gaya bahasa yang digunakan juga menarik daripada aspek keindahan bahasa, di samping penggunaan ungkapan yang relevan untuk mengukuhkan huraian idea. Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan sangat menarik dan berkesan. Pemerenggan karangan juga sesuai.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan. Calon masih mampu menghuraikan idea dengan jelas disertakan dengan contoh yang masih sesuai. Calon menggunakan ayat yang masih gramatis dan kosa kata umum. Gaya bahasa yang digunakan daripada aspek keindahan bahasa masih menarik, di samping penggunaan ungkapan masih berkesan. Laras bahasa yang digunakan masih sesuai dengan kehendak tugas. Penggunaan tanda baca masih tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan masih menarik sementara pemerenggan masih sesuai.

2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 1

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Kegiatan kokurikulum dikatakan sangat penting kerana dapat memberi peluang kepada pelajar melatih diri untuk berdisiplin, mencungkil bakat dan membina personaliti diri sebagai persediaan pada masa depan.

Sumber: www.bharian.com.my

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan kegiatan tersebut.

Calon dikehendaki **menghuraikan kepentingan kegiatan kokurikulum** seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu:

- melatih diri untuk berdisiplin
- mencungkil bakat
- membina personaliti diri

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Dalam mendepani arus globalisasi ini, kegiatan kokurikulum sudah menjadi keutamaan kepada pelajar-pelajar di sekolah mahupun para mahasiswa di universiti. Hal ini dikatakan demikian kerana kegiatan kokurikulum memberi variasi masalah kepada anak watan kini tanpa mereka ^{sedar} ~~sedari~~. Sebagai evidensinya, mereka dapat melakukan pelbagai aktiviti yang tidak pernah dilakukan. Walaupun begitu, masih terdapat segelintir golongan ^{yang} ~~belia~~ tidak gemar menyertai kegiatan kokurikulum yang dianjurkan. Menurut mantan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Syed Saddiq pernah berkata bahawa kegiatan kokurikulum yang pragmatik mampu melahirkan masyarakat yang menerajui kecemerlangan negara. Persoalannya, apakah masalah-masalah kegiatan kokurikulum?

Merujuk mauduk yang perdana, kegiatan kokurikulum dapat memberi peluang kepada pelajar melatih diri untuk berdisiplin. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti ini dapat membentuk pelajar mengamalkan nilai-nilai murni yang sering diambil berat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebagai alibinya, pelajar akan menepati masa yang telah ditetapkan oleh pihak ~~anjuran~~ penganjur sejajar dengan kata mutiara masa itu emas. Ahli Falsafah Barat, William Shakespeare pernah bermadah bahawa nilai murni itu perlu dipupuk dalam jiwa dan nurani masyarakat bagi mewujudkan insan yang berguna. Masyarakat perlu menjadi seperti biji benih yang baik, jika dilempar ke darat menjadi permata yakut yang bersinar cemerlang, jika dilempar ke laut menjadi pulau yang memberi khazanah dan terawang di angkasa menjadi bintang yang bergemerlapan. Ibarat layar telah terbuka, sauh telah diangkat kegiatan kokurikulum memberi faedah dalam melatih diri pelajar untuk berdisiplin.

Dari kodifikasi yang berbeza, kegiatan kokurikulum juga mampu mencungkil bakat pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar cenderung untuk melakukan sesuatu perkara yang diluar kemampuan mereka. Perkara ini dapat menonjolkan bakat yang terpendam di dalam diri pelajar. Sebagai usahnya, pelajar dapat melakukan pelbagai aktiviti yang menarik seperti mendaki bukit dan gunung. ^{Sehubungan} ~~Setelah~~ ^{itu} ~~yang~~ demikian, pelajar juga dapat menambah kenalan daripada aktiviti ini ibarat afonisme Melayu sambil menyelam minum air. Mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamed pernah bermadah dalam rancangan 'Orang Yang Berjaya' bahawa golongan belia yang terdedah kepada aktiviti yang mampu menonjolkan diri mereka merupakan ciri-ciri individu yang berjaya ingin menggapai kejayaan.

Oleh hal yang demikian ~~Sehubungan itu~~, para pelajar tidak seyogiannya mengabaikan aktiuiti ini. Bulan kian terang, bayang kian jelas bahawa bakat pelajar dapat dicungkil sekiranya mereka menyertai kegiatan et kokurikulum.

Bertunjangkan isu yang sama, kegiatan kokurikulum juga dapat membina personaliti diri sebagai persediaan pada masa depan. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat tidak sedar akan hiruk-pikuk kehidupan pada era Malaysia Madani ini. ^{Sesetengah} ~~Terdapat~~ masyarakat yang berjaya menghadapi cabaran dan ada juga yang tidak berjaya dan menyebabkan kehidupan mereka tidak ubah seperti ular kena palu. Sekiranya mereka menyertai kegiatan ini, mereka dapat membina jati diri yang kukuh untuk menghadapi pancaroba kehidupan. Sebagai contohnya, pelajar boleh menyertai aktiuiti perkhemahan di hutan bagi memupuk semangat keberanian dalam diri ^{yang menyebabkan mereka} serta/tidak meng~~meny~~ membebankan pihak lain pada masa akan datang. Rasulullah (SAW) juga bersabda bahawa sebaik-baik manusia adalah manusia yang memberi manfaat kepada orang lain. Sudah terang lagi bersuluh, personaliti diri dapat dibina daripada kegiatan kokurikulum.

Sebagai penggulung bingkisan bicara, tidak ada simpul yang tidak boleh diuraikan, tidak ada lajak yang tidak boleh diurdukan. Pelbagai pihak perlulah melakukan anjakan paradigma dan bergerak seia sekata dengan golongan belia ^{seperti serumpun bagai serai, seliang bagai buluh} bagi ~~meny~~ menjayakan kegiatan ini. Langkahnya ialah ibu ~~ibu~~ bapa perlulah memberi kebenaran kepada anak-anak untuk menyertai kegiatan kokurikulum ^{di sekolah mereka}. Presiden Amerika Syarikat ke-16, Abraham Lincoln pernah berkata bahawa jangan tanya apa yang negara lakukan kepadamu dan bertanya pula apa yang kamu lakukan kepada negara. Justeru, pelbagai pihak sewajarnya tidak berputus asa dalam memberi ^{kepada pelajar} penekanan tentang kegiatan kokurikulum dan jadilah seperti burung jentayu, patah sayap bertongkat paku, patah paku bertongkat dagu,

patah dagu bertongkat kuku.

Terbang tinggi burung merpati,

tatkala senja bergerak pulang,

Aktiviti koku pentingnya pasti,

nak watan berjaya negara terbilang.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugas tentang kepentingan kegiatan kokurikulum.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu melatih diri untuk berdisiplin, mencungkil bakat dan membina personaliti diri hasil penyertaan dalam kegiatan kokurikulum.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti *“kegiatan kokurikulum memberi variasi maslahat kepada anak watan, kegiatan kokurikulum yang pragmatik mampu melahirkan masyarakat yang menerajui kecemerlangan negara dan nilai murni perlu dipupuk dalam jiwa dan nurani masyarakat, Ibarat layar telah terbuka, sauh telah diangkat, kegiatan kokurikulum memberi faedah dalam melatih diri pelajar untuk berdisiplin.”* Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, *“walakian begitu, menggapai kejayaan dan pancaroba kehidupan.”* Penggunaan peribahasa yang tepat contohnya, seperti *serumpun bagai serai, seliang bagai buluh, dan seperti burung jentayu, patah sayap bertongkat paruh, patah paruh bertongkat dagu, patah dagu bertongkat kuku.* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan memberikan cadangan supaya semua pihak memberi penekanan tentang kepentingan kegiatan kokurikulum kepada pelajar.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Pada masa yang serba moden ni, pelajar sekolah perlu diberikan pendedahan tentang kegiatan kokurikulum. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa ini penyertaan pelajar dalam bidang ni semakin menurun. Perkara ini tidak boleh dibiarkan berlaku begitu sahaja kerana ini merupakan bidang yang penting bagi kesehatan & mental dan fizikal mereka. Pertanyaannya, apakah kelebihan lain yang boleh diwujudkan apabila pelajar menceburi kegiatan kokurikulum di sekolah?

Antara kelebihan pelajar menyertai kegiatan kokurikulum termasuklah membenarkan kepada pelajar untuk melatih diri untuk berdisiplin. Hal ini terjadi demikian kerana apabila mereka melabuhkan diri dalam sukan, tamainya mereka mewakili sekolah dalam acara bola sepak, mereka perlu mematuhi peraturan agar tidak seawat ke tempat latihan sudah terangnya lagi bersejarah bahawa disiplin yang tinggi dapat diwujudkan dalam diri pelajar agar menjadi pelajar yang cemerlang dan menghayati mesej serta bertanggungjawab sebagai seorang atlet sekolah.

Selain itu, kelebihan lain termasuklah dapat mencungkil bakat dalam diri pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak semua pelajar yang hebat dalam bidang akademik dan mempunyai kelebihan dalam bidang akademik. Perkara ini turut membuka jalan kepada pelajar tersebut untuk mencari bakat yang tersendiri kerana setiap orang mempunyai kelebihan dan bakat yang tersendiri. Pelajar yang kurang minat Dengan membuka peluang dalam kegiatan kokurikulum ini dapat memastikan murid tersebut turut mempunyai minat untuk hadir ke sekolah dan akan mengingkatkan kadar kes ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah.

Kokurikulum termasuklah membina personaliti di sebagai persediaan pada masa depan. Hal ini ditakutkan demikian kerana apabila pelajar menyertai aktiviti kokurikulum, ini dapat meningkatkan keyakinan mereka serta semangat dalam diri mereka untuk melakukan yang terbaik. Tamsilnya, ketika menyertai acara ^{peraturan} olahraga, ini dapat meningkatkan semangat dan keyakinan dalam diri mereka untuk ~~menyertai~~ memenangi dan beraksi di depan khalayak ramai. Sudah terang lagi beruluh bahawa kegiatan kokurikulum bukan hanya dapat menyibakkan badan malahan membolehkan pelajar ~~dan~~ yang mempunyai matlamat hidup yang cerah.

Konklusinya, para pelajar perlu diberikan pendedahan, sejak awal lagi bagi ^{memberikan} ~~meningkatkan~~ tabiat kepada diri mereka. ~~Hal ini juga~~ Perara ini penting bagi membolehkan para atlet yang berkemampuan bahigit menentang pereraan lazim untuk berdepan dengan cabaran dan risiko yang tinggi. Ini turut menunjukkan bahawa golongan pihak atalah dalam ~~mewujudkan~~ ^{agar} mewujudkan semangat kesukanan dalam diri mereka ~~agar~~ dapat menjadi contoh kepada para pelajar lain, sangat penting. Perkara ini juga penting bagi meningkatkan kecergasan diri para pelajar kerana badan cergas otak ~~sempurna~~ cerdas.

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat menyatakan kepentingan kegiatan kokurikulum.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu membincangkan kepentingan kegiatan kokurikulum. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh yang diberikan masih sesuai. Contohnya, "Antara kelebihan pelajar menyertai kegiatan kokurikulum termasuklah memberi peluang kepada pelajar bagi melatih diri untuk berdisiplin."

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti "apabila mereka melibatkan diri dalam sukan, tamsilnya mereka mewakili sekolah dalam **acara** bola sepak (apabila mereka melibatkan diri dalam **bidang** sukan, tamsilnya mereka mewakili sekolah dalam **pertandingan** bola sepak)". Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan mencadangkan kegiatan kokurikulum harus diberikan pendedahan awal kepada para murid.

Soalan 2

Anak-anak perlu sentiasa memberikan sokongan emosi kepada ibu bapa dengan cara selalu menghubungi atau menziarahi mereka. Jika ada kemampuan, bawalah ibu dan bapa pergi melancong, sama ada di dalam ataupun di luar negara. Selain itu, anak-anak hendaklah sentiasa meraikan hari-hari istimewa ibu bapa. Dengan berbuat demikian ibu bapa akan berasa lebih dihargai dan disayangi oleh anaknya.

Sumber: *Petita Bahasa*, Bil. 6/2020

Berdasarkan petikan, huraikan cara-cara yang boleh dilakukan untuk menghargai jasa ibu bapa.

Calon dikehendaki **menghuraikan cara menghargai jasa ibu bapa** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:

- menghubungi atau menziarahi mereka
- membawa mereka melancong
- meraikan hari-hari istimewa ibu bapa

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Semenjak ~~era~~ ~~perindustrian~~ ~~dan~~ negara kita diambot dengan kemajuan teknologi dan perindustrian yang hampir setaraf dengan negara maju yang lain, kita acap kali ~~tidak~~ tidak sedar bahawa segala perkara ini tidak akan tercapai tanpa kehadiran insan yang ~~berjela~~ bergelar ibubapa. Hal ini tidak wajar dipandang enteng kerana mereka adalah yang telah menjaga kita sejak ~~ke~~ usia yang muda lagi tanpa sedikit sebarang perasaan khal, seperti 'menantang minyat dengan penuh'. Seorang tokoh Islam, ~~penda~~ Luqmanul Hakim pernah berpesan kepada anak-anaknya agar berbuat baik kepada ibu bapa. Oleh itu, sebagai seorang anak yang kita perlulah melakukan variasi cara untuk menghargai jasa ibu bapa. Permasalahannya, apakah ~~kan~~ cara-cara tersebut?

Sebagai pembuka tirai perbincangan, cara signifikan yang mampu kita lakukan ialah dengan menahirkan sokongan emosi yang efektif kepada ibu bapa. Hal ini harus dipertimbangkan kerana mereka juga mempunyai perasaan dan akan terasa hati jikalau ~~ada~~ berlaku sesuatu perkara yang negatif ~~terhadap~~ terhadap mereka. Selain itu, sokongan seorang anak pasti akan dapat mengelakkan mereka berasa sunyi ~~dan~~ ataupun terpinggir. Tuntasnya, kita boleh menahirkan ibu bapa sewaktu mempunyai waktu lapang dan menghubungi mereka bagi mengetahui keberadaan mereka biar pun kita berada jauh. Nalangnya, ikatan kekeluargaan dapat diperkukuhkan di samping dapat berkongsi cerita ~~dan~~ bersama. Jelaslah bahawa anak-anak perlu menjaga emosi ibu bapa bagi mewujudkan keluarga yang harmoni.

Selain itu, cara lain yang tidak dapat disangkal ialah kita boleh membawa ibu dan bapa melancong ke destinasi idaman mereka. Perkara ini penting kerana ~~ada~~ ~~sa~~ sewaktu kita masih kecil, mereka lah yang sering membawa kita bercuti ke merata tempat. Kini, kita pula yang perlu membalas segala pengorbanan dari segi duit, masa dan tenaga yang telah mereka sumbangkan kepada kita dahulu. Contohnya, kawasan tarian pelancong di Malaysia yang menarik seperti Tanah Tinggi Cameron wajar ~~tidak~~ dijadikan pilihan buat ibu bapa. Impaknya, bukan sahaja kita dapat mempersembahkan pengalaman berharga yang baru untuk dirasai oleh mereka malah

sektor pelancongan dan ekonomi negara juga dapat disokong. 'Bak kata pepatah Melayu yang berbunyi 'sambil menyelam minum air'' bertepatan dengan manfaat yang diperolehi dari situasi tersebut.

Di samping itu, hari-hari istimewa ibu bapa hendaklah sentiasa diraikan oleh anak-anak ~~tanpa mengira~~ setiap tahun. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh, kerana hari-hari tersebut pastinya mempunyai maksud tersendiri dan memoni tidak ternilai buat mereka yang tidak akan dilupakan. Contoh yang dapat dikemukakan ~~adalah~~ ialah sambutan Hari Kelahiran ibu bapa atau Ulang Tahun Perkahwinan mereka. Apabila kita meraikan hari-hari tersebut, mereka akan berasa lebih dihargai dan disayangi. Kita juga dapat melakarkan lebih banyak kenangan buat kotak ingatan bersama pada masa akan datang. ~~Selain itu,~~ Tambahan lagi, sambutan ini dapat menjadi lebih bermakna dengan tangkapan foto untuk dihimpunkan ke dalam album keluarga sebagai hadiah khas untuk ibu bapa. Oleh itu, jelaslah ~~sambutan~~ ~~ke~~ menyambut hari-hari istimewa dapat membuktikan akan penghargaan kita ~~ke~~ terhadap jasa ibu bapa.

Sebagai ~~penutup~~ penutup tirai perbincangan, sudah terang lagi bersuluhlah bahawa ibu bapa memainkan peranan besar dalam memastikan anak-anak hidup selesa dan mempunyai jati diri yang terbilang. Maka, ~~seorang~~ ~~anak~~ hargailah dan kashilah ibu bapa ~~sebagai~~ ~~seorang~~ ~~manusia~~ sebagaimana mereka pernah berbuat perkara yang sama kepada ~~mereka~~ ^{kita}. Namun begitu, janganlah kita mengamalkan sikap ~~segi~~ sesetengah pihak yang ~~tanpa rasa bersalah~~ membuang ibu bapa mereka tanpa sedikitpun rasa kesal. ~~Sebaliknya,~~ ~~yang~~ ~~perlu~~ ~~dititik~~ ~~beratkan~~ ~~adalah~~ ~~menyayangi~~ ~~ibu~~ ~~bapa~~ ~~mereka~~. ~~Ini~~ ~~adalah~~ ~~sebuah~~ ~~tantangan~~ ~~bagi~~ ~~mereka~~ ~~yang~~ ~~berani~~ ~~derhaka~~ ~~kepada~~ ~~ibu~~ ~~bapa~~ ~~mereka~~ ~~pasti~~ ~~akan~~ ~~menanggung~~ ~~akibatnya~~. ~~Untuk~~ ~~ibu~~ ~~bapa~~ ~~tersebut~~ ~~ini~~ ~~konklusinya~~, ~~perlu~~ ~~di~~ ~~amalkanlah~~ ~~apa-apa~~ ~~cara~~ ~~yang~~ ~~terampu~~ ~~bagi~~ ~~menghargai~~ ~~ibu~~ ~~bapa~~ ~~agar~~ ~~institusi~~ ~~kekeluargaan~~ ~~kita~~ ~~dapat~~ ~~kekalkan~~ ~~dengan~~ ~~aman~~ ~~dan~~ ~~harmonis~~.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami dan menghuraikan tugas tentang cara menghargai ibu bapa.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu menghuraikan cara menghargai ibu bapa dengan menghubungi atau menziarahi mereka, membawa mereka melancong dan meraikan hari-hari istimewa mereka.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti "*Kita juga dapat melakar lebih banyak kenangan buat kotak ingatan bersama-sama pada masa depan dan impaknya, dapat mempersembahkan pengalaman berharga yang baru untuk dirasai oleh mereka*". Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, "*menzahirkan sokongan emosi, dan tangkapan foto*".

Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca juga tepat. Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menasihati anak-anak agar menghargai dan mengasihi ibu bapa sebagaimana ibu bapa mengasihi dan menyayangi anak-anak.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Ibu bapa merupakan insan yang paling dekat dengan kita dan selalu membantu kita semasa dalam kesusahan. Pada masa kini, anak-anak kurang mengambil berat terhadap ibu bapa mereka kerana sibuk untuk mengejar kebajikan sehingga melupakan tanggungjawab sebagai ^{seorang} anak. Terdapat 1001 perkara ~~untuk~~ yang boleh dilakukan untuk menghargai jasa ibu bapa. Persoalannya, apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk menghargai jasa ibu bapa? Buka tirai mari kita bincangkan.

Sebagai tambahan minda yang perdana, cara-cara yang boleh dilakukan untuk menghargai jasa ibu bapa termasuklah selalu menghubungi atau menziarahi mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila kita selalu menziarahi mereka ini akan dapat membuatkan mereka disayangi oleh anak-anak. Sebagai contoh, apabila anak-anak mempunyai cuti pada waktu berkerja anak-anak boleh datang ke rumah ibu bapa mereka untuk meluangkan masa bersama ibu bapa mereka. Impaknya, ibu bapa tidak akan berasa terisih dan tidak akan berasa kesepian tanpa anak-anak juga ~~tidak dapat mengesatkan hubungan~~ mereka. ~~dengan ibu bapa.~~ Tak sungguh tak melata, tak sungguh orang tak kata, menghubungi dan menziarahi ibu bapa akan dapat

membuat ibu bapa mereka berasa disayangi.

Menitik konduktifikasi hujah yang seterusnya, dengan membawa ibu dan bapa pergi melancong juga cara yang boleh dilakukan untuk menghargai jasa ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila kita membawa ibu bapa pergi melancong ini akan dapat mengeratkan hubungan silaturahmi dengan ibu bapa. Misalnya, kita boleh membawa ibu bapa kita melancong ke luar negara seperti Korea, China dan Thailand. Kesannya, ibu bapa dapat ^{mencipta kenangan yang indah} ~~menasa untuk melancong~~ bersama anak-anak mereka. ~~ke luar negara~~. Sudah terang lagi bersuluh, dengan membawa ibu bapa pergi melancong akan dapat memberikan ~~kebahagian~~ kebahagiaan kepada ibu bapa kerana mereka dapat meluangkan waktu bersama anak-anak mereka.

Di samping itu, cara-cara yang boleh ^{dilakukan} ~~ditakota~~ untuk menghargai jasa ibu bapa termasuklah meraikan hari-hari istimewa ibu bapa. Dengan berbuat demikian ibu bapa akan berasa lebih dihargai dan disayangi oleh anaknya. Contohnya, hari istimewa yang dapat kita sambut bersama-sama dengan ibu bapa seperti hari jadi ibu bapa kita. Selain itu, kita juga boleh membelikan ibu bapa hadiah kepada mereka. Kesannya, ibu bapa akan berasa dihargai oleh

anak-anak mereka. Sesungguhnya, dengan
memainkan hari istimewa ibu bapa ini akan
membuatkan mereka merasa gembira,

Sebagai penutup bicara, anak-anak pula
memainkan peranan yang penting dalam
menghargai jasa ibu bapa agar
hubungan kekeluargaan dapat d'eratkan.
Anak-anak juga perlu ~~menyag~~ menghargai
jasa ibu bapa mereka dan jangan bagi
kecua lupaakan kulit apabila anak-anak
sudah mencapai tahap dewasa pada
~~saat~~ satu saat nanti. Dengan ~~menghargai~~
menghargai jasa ibu bapa mereka seseorang
itu akan dapat kehidupan yang baik apabila
kita menjaga ibu bapa kita dengan
baik-baiknya.

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat membincangkan cara menghargai ibu bapa.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu cara menghargai ibu bapa dengan menghubungi atau menziarahi mereka, membawa mereka melancong dan meraikan hari-hari istimewa mereka. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, *"sebagai contoh, apabila anak-anak mempunyai cuti pada waktu bekerja anak-anak boleh datang ke rumah ibu bapa mereka untuk meluangkan masa bersama ibu bapa mereka."*

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa seperti, *"buka tirai, mari kita bincangkan, meniti kondusifikasi hujah yang seterusnya, memberikan kebahagiaan."* Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyarankan anak-anak menghargai jasa ibu bapa agar hubungan kekeluargaan dapat dieratkan.

Soalan 3

Pantun Menjaga Alam Sekitar

Tebas menerung di tepi bendang,
Rumput benta dicantas pula;
Bekas kosong jangan dibuang,
Eloklah kita gunakan semula.

Punai ketitir di tepi perigi,
Merbah kenari terbang sekawan;
Sungai mengalir jernih dan suci,
Usah dicemari dengan kekotoran.

Asyik mendayung di tengah tasik,
Dayungnya rapuh terbelah dua;
Bukit dan gunung usah diusik,
Cerunnya runtuh menimpa manusia.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 2/2022

Pantun di atas menyatakan langkah-langkah penjagaan alam sekitar.
Huraikan langkah-langkah tersebut.

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faktor-faktor berlakunya aktiviti tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah menjaga alam sekitar**, iaitu:

- kitar semula
- tidak mencemari sungai / menjaga kebersihan sungai
- tidak melakukan penerokaan hutan / gunung / cerun / pembangunan terancang di kawasan bukit / gunung

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Pada zaman pascakemerdekaan ini, negara kita kian membangun umpama timbul sama hanyut tenggelam sama basah ~~seiring~~ seiring dengan negara maju yang lain. Namun begitu, khazanah alam kita kian terhakis saban hari angkara tangan manusia. Flora dan fauna diancam kepupusan serta hidupan liar kehilangan habitat. Siapakah yang harus dipersalahkan atas kemusnahan ini jika bukan diri kita sendiri? Oleh yang demikian, kita perlulah melakukan prakarsa yang sewajarnya bagi mempertahankan alam sekitar anugerah Tuhan ini. Persoalannya, apakah langkah-langkah penjagaan alam sekitar?

Sebagai pembuka firaq perbincangan, usaha yang boleh dilakukan untuk menjaga alam sekitar adalah dengan menggunakan semula bahan-bahan terbuang. Hal ini dikatakan demikian kerana pembuangan sisa

Maksud seterusnya ialah kita perlu menjaga kebersihan sungai pada ^{setiap} ~~sepanjang~~ masa. Hal ini dikatakan demikian kerana sungai merupakan sumber air utama untuk manusia dan habitat untuk ^{pelbagai} hidupan akuatik.

Bagi memastikan kebersihan sungai sentiasa terjaga, kita boleh mengadakan ~~gotong~~ aktiviti gotong-royong membersihkan sungai bersama penduduk di kawasan kejiranan. Apabila semua penduduk bekerjasama, kerja pembersihan sungai dapat dilakukan dengan lebih efektif kerana bersatu teguh, bercerai roboh. Selain itu, pihak kerajaan juga boleh mendidik rakyat

melalui pelaksanaan kempen Cintailah Sungai Kita. Bulan kian terang, bayang kian jelas. Kempen ini dapat menimbulkan kesedaran masyarakat Malaysia tentang kepentingan memelihara sungai. Bulan kian terang, bayang kian jelas bahawa memelihara kebersihan sungai merupakan langkah penting untuk menjaga menjamin kelestarian alam sekitar.

~~Menalurnasi~~ Menenusi idea yang terakhir, langkah penjagaan alam sekitar adalah dengan memelihara kawasan bukit dan gunung di negara kita. Pada masa ini, bukit-bukau dan gunung-gonang sering dirobohkan bagi tujuan pembinaan bandar baharu dan serta perindustrian. Sekiranya isu ini senario ini ~~ia~~ dibiarkan berterusan, perbuatan ini akan mengakibatkan berta berlakunya kejadian tanah runtuh yang meragut nyawa manusia. Oleh itu, pihak kerajaan sewajarnya menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat dan mengenakan hukuman terhadap pihak yang tidak bertanggung jawab melakukan kerosakan alam ini. Kerajaan juga mestilah mengisytiharkan kawasan bukit dan gunung ~~tersebut~~ sebagai kawasan larangan bagi menjamin habitat flora dan fauna. ~~Nota~~ Kesimpulannya, alam sekitar dapat dipelihara dengan menjaga kawasan bukit dan gunung daripada kemusnahan.

Sebagai penghias bicara akhir, semua pihak perlulah berganding bahu umpama sakit sama mengaduh, luka sama menyjuk dalam usaha menjaga alam sekitar. Kita hendaklah mempunyai kesedaran untuk mempertahankan alam sekitar kerana alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai dan tiada gantinya. Sekiranya semua pihak iembenikan komitmen yang menyeluruh, kita dapat memelihara alam sekitar agar tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Ayuhlah generasi pemangkin masa hadapan menongkah segala rintangan agar kejayaan dapat digenggam erat.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugas berkaitan langkah-langkah menjaga alam sekitar.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu langkah-langkah menjaga alam sekitar seperti kitar semula, tidak mencemari sungai / menjaga kebersihan sungai dan tidak melakukan penerokaan hutan / gunung / cerun / pembangunan terancang di kawasan bukit / gunung.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti, *“khazanah alam kita kian terhakis saban hari angkara tangan manusia, semua pihak perlulah berganding bahu umpama sakit sama mengaduh, luka sama menyiuik dalam usaha menjaga alam sekitar.”* Penggunaan kosa kata yang menarik dan tepat, contohnya, *flora dan fauna diancam kepupusan, hidupan liar kehilangan habitat, serampang dua mata*. Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea serta perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan semua pihak agar berganding bahu dalam usaha menjaga alam sekitar.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Sudah kita ketahui, bahawa penjagaan alam sekitar sangat penting di negara kita. Hal ini demikian kerana, penjagaan alam sekitar dapat memberi satu impak yang positif dalam negara kita. Dengan ini, kita sebagai manusia perlu menjaga alam sekitar dengan baik dan selamat. Oleh itu, terdapat beberapa langkah yang boleh kita ambil sebagai penjagaan alam sekitar di negara kita.

Antara langkah yang boleh diambil ialah bergotong-royong membersihkan kawasan perumahan atau taman rekreasi. Hal ini demikian kerana, alam sekitar akan kelihatan sangat bersih dengan adanya tempat kitar semula yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh, pusat pembuangan kitar semula seperti 3R iaitu guna semula, kitar semula dan mengasingkan sampah mengikut cara yang ditetapkan iaitu kertas, kaca, botol dan sebagainya. Dengan adanya, tempat kitar semula ia lagi memudahkan pengguna untuk menjaga alam sekitar.

Selain itu, langkah yang boleh diambil ialah penjagaan sungai di negara kita. Oleh itu, kita mestilah menjaga sungai kita agar kelihatan jernih, bersih dan suci. Namun begitu, terdapat segelintir peng. manusia yang tidak bertanggungjawab mencemarkan sungai di negara kita. Sebagai contoh, membuang sampah sarap dan sisa makanan ~~se~~ di dalam sungai. Justeru, ia boleh menyebabkan hidupan laut seperti ikan mati dan pupus akibat pembuangan sampah sarap di dalam sungai.

Dengan ini, pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang atau dikenakan saman kepada manusia yang tidak bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar.

Seterusnya, pihak kerajaan perlu membuat kempen seperti membersihkan kawasan-kawasan yang semak, memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menjaga alam sekitar dengan baik dan sebagainya. Oleh itu, ia juga boleh menarik minat kepada generasi yang muda untuk tidak mencemarkan alam sekitar seperti vandalisme, buang sampah merata-rata, merosakkan harta benda awam dan sebagainya. Justeru, ia boleh mendatangkan sikap agresif terhadap alam sekitar.

Akhir sekali, kita mestilah bekerjasama dalam memastikan penjagaan alam sekitar terkawal dengan baik. Oleh itu, negara kita menjadi contoh kepada negara lain dan imej di negara kita tidak tercemar dalam kalangan negara lain. Dengan ini, penjagaan alam sekitar perlu dibendung bersama bak kata pepatah Melayu 'bagai our dengan tebing'. Secara keseluruhan penjagaan alam sekitar perlu ditingkatkan lagi agar penggunaan alam sekitar menjadi satu kesan yang mendalam terhadap negara kita.

Kesimpulannya, penjagaan alam sekitar perlu dipraktikkan lagi supaya negara kita menjadi bersih dan harmoni. Dengan ini, kita mestilah menjaga dan menyayangi alam sekitar serta bekerjasama dalam membersihkan alam sekitar. Saya berharap negara kita bersatu padu dalam menjaga alam sekitar persis peribahasa 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'.

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat membincangkan langkah-langkah menjaga alam sekitar.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu membincangkan langkah-langkah menjaga alam sekitar. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, *“alam sekitar akan kelihatan sangat bersih dengan adanya tempat kitar semula yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan sebagai contohnya tempat pembuangan kitar semula seperti 3R.”*

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa seperti, *“dengan ini, pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang atau dikenakan saman kepada manusia yang tidak bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar (dengan ini, pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang terhadap manusia yang tidak bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar), Oleh itu ia juga boleh menarik minat kepada generasi yang muda untuk tidak mencemarkan alam sekitar (Oleh itu, hal ini juga boleh menarik minat generasi yang muda untuk tidak mencemarkan alam sekitar.)”* Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan memberikan penekanan tentang penjagaan alam sekitar.

Soalan 4

Penghujung tahun 2021 menyaksikan negara dikejutkan dengan bencana banjir besar yang melanda Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Ribuan kediaman ditenggelami air dan berbelas-belas ribu penduduk yang menjadi mangsa banjir perlu diberikan bantuan.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan bentuk-bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana tersebut.

Calon dikehendaki **menghuraikan bentuk-bentuk bantuan** yang boleh disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Banjir adalah merupakan ~~an~~ antara fenomena bencana alam yang sering melanda negara kita, Malaysia. Sesuai dengan peribahasa Melayu iaitu malang tidak berbau, negara beberapa negeri di negara kita ^{kerap kali} menghadapi hujan lebat yang secara tiba-tiba yang ~~ber~~ berpanjangan sehingga beberapa hari. ~~Bukfinya~~ Bukfinya ialah bencana banjir besar yang melanda Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan pada penghujung tahun 2021. ^{Peristiwa itu menyebabkan} ~~Sehubungan dengannya,~~ ribuan kediaman ditenggelami air dan berbelas-belas ribu penduduk perlu dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan banjir. Oleh itu, sebagai rakyat yang ^{prihatin,} ~~prihatin,~~ ^{kita} ~~kita~~ terdapat beberapa bentuk bantuan yang boleh ~~disalurkan~~ ^{salurkan} kepada mangsa-mangsa bencana tersebut. 01

Cetusan idea saya yang pertama ialah kita boleh membenkan bantuan dalam bentuk sumbangan bahan-bahan makanan serta pakaian harian. Halini dikatakan demikian kerana pakaian-pakaian yang bersih dapat memastikan kesesuaian para mangsa/^{banjir} sekali gus mengekalkan kestabilan emosi mereka. Selain itu, umum sedia tahu bahawa banjir juga boleh menyebabkan ^{makanan} ~~makan~~ dan sumber air tercemar dengan kotoran dan kuman. Maka, penyediaan bahan makanan yang ~~dijamin~~ ~~teb~~ berkhasiat dan ~~dijamin~~ ~~kebersihannya~~ ~~perlu~~ ~~disediakan~~ ~~bagi~~ dapat mengelakkan wabak penyakit seperti keracunan ~~makanan~~ makanan dalam kalangan mangsa. Pihak kerajaan serta ~~or~~ organisasi-organisasi bukan kerajaan ~~teb~~ wajarlah menggerakkan ~~bantuan~~ ~~AT~~ pengutipan ataupun pembenan sumbangan ini. Ternyata bahawa ~~pembelian~~ ~~bantuan~~ ~~bahan~~ ~~berbentuk~~ bahan makanan serta pakaian harian ~~teb~~ merupakan antara bentuk bantuan yang boleh dibenkan kepada mangsa ~~teb~~ -mangsa banjir.

105

Melihat dari ~~teb~~ perspektif yang seterusnya, kita ~~teb~~ ~~boleh~~ menyumbangkan bantuan berbentuk pelajaran boleh disumbangkan oleh para sukarelawan. Menurut Nelson Mandela, "Pendidikan adalah merupakan senjata paling ampuh yang mampu untuk mengubah dunia." Sehubungan dengan itu, para sukarelawan seperti pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), (SPM) serta mahasiswa dan mahasiswi daripada universiti-universiti tempatan boleh menghulurkan bantuan ~~teb~~ ~~berbentuk~~ pendidikan. Perkara ini dapat ~~teb~~ direalisasikan ~~teb~~ dengan mengadakan ~~teb~~ tuisyen atau kelas harian di pusat-pusat pemindahan banjir. Usaha ~~teb~~ ini pastinya dapat menyumbang kepada pembinaan generasi masa hadapan

yang berbakat dan berpendidikan tinggi kerana tetap
mencar menimba ilmu walaupun ditimpa dengan bencana.
Te Jet Jelasilah, ~~bahawa~~ bantuan berbentuk pelajaran
akan dapat membantu mangsa-mangsa banjir. 81

Meninjau daripada ~~perspektif~~ skop yang terakhir,
~~tiada~~ ~~boleh~~ ~~membenkan~~ bantuan kesihatan boleh diberikan
oleh pihak-pihak yang ~~berkaitan~~ bertanggungjawab.
Kementerian Kesihatan Malaysia perlulah melakukan
pemeriksaan kesihatan secara berkala terhadap para
mangsa banjir. Hal ini dikatakan demikian kerana
bencana banjir boleh menyebabkan gangguan kesihatan
secara fizikal dan emosi kepada para mangsa.
~~Se~~ Sehubungan dengan itu, khidmat kaunselor juga
perlu seharusnya disediakan untuk membenkan dorongan
dan sokongan emosi buat mangsa-mangsa banjir yang
terlibat. Sudah terang lagi berbuluh bahawa bantuan
kesihatan semestinya dapat membantu para mangsa
banjir sekiranya ⁷⁴ usaha ini bukan sekadar hangat-hangath ^{Tahayam.}

Secara holistiknya, bantuan-bantuan dalam
pelbagai bentuk sememangnya perlu untuk dibenkan
kepada mangsa-mangsa banjir. Sebagai negara yang
bersatu padu dan mempunyai hubungan yang erat dalam
~~tata tata~~ kalangan masyarakatnya, kita mestilah
menghulurkan sedikit sebanyak bantuan.. agar ~~masyarakat~~
para mangsa dapat menenamkan kehidupan mereka. Besarlah
harapan saya ~~seh~~ agar semua pihak dapat mengambit
~~tangkai~~ ~~sederap~~ berganding bahu bagai ke bukit sama
didaki, ke lurah sama dituruni untuk membantu para
mangsa banjir. Sekiranya bantuan tidak disumbangkan,
nescaya perpaduan dan ekonomi negara akan
mundur.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugas tentang bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu tentang bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa banjir seperti *“Kita boleh memberikan bantuan dalam bentuk sumbangan bahan-bahan makanan serta pakaian harian, Kementerian Kesihatan Malaysia perlulah melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala terhadap mangsa banjir.”*

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti, *“sesuai dengan peribahasa Melayu iaitu malang tidak berbau, beberapa negeri di negara kita kerap kali menghadapi hujan lebat secara tiba-tiba yang berpanjangan sehingga beberapa hari”*. Kosakata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, *“kestabilan emosi, pendidikan adalah merupakan senjata paling ampuh yang mampu untuk mengubah dunia, pembinaan generasi masa hadapan yang berdikari dan berpendidikan tinggi.”* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea serta perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan agar masyarakat mempunyai sifat pemurah dalam menyalurkan sumbangan pada mangsa-mangsa banjir.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Sejak akhir-akhir ini, isu bencana banjir menjadi topik hangat di kalangan masyarakat. Isu bencana banjir juga banyak disiarakan di kaca televisyen, media massadan media sosial. Negara kita dikejutkan dengan bencana banjir besar yang melanda Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Ribuan kediaman ditenggelami air dan berbelas-belas ribu penduduk yang menjadi mangsa banjir. Hal ini telah menjadi buah mulut penduduk tempatan dan menimbulkan perasaan takut dan gelisah kepada mereka. Tambahan pula, ~~ribuan~~ ribuan kediaman ditenggelami air dan berbelas-belas ribu penduduk yang menjadi mangsa banjir. Oleh itu, ~~pihak kerajaan~~ pihak yang berkuasa seperti ketua kampung dan pihak kerajaan perlulah memainkan peranan masing-masing untuk membenarkan bantuan kepada mangsa banjir. Terdapat pelbagai bentuk bantuan yang boleh ~~ditawarkan~~ disalurkan daripada pihak-pihak berkuasa. Hal ini semestinya akan mengurangkan perasaan takut dan cemas di dalam diri masyarakat. Persoalannya, apakah bentuk-bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir tersebut.

Antara bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa banjir ialah menyediakan pusat pemindahan. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat ramai mangsa banjir yang hilang arah setelah rumah mereka ditenggelami air. Oleh itu, dengan adanya pusat pemindahan banjir mereka akan berasa lebih selamat dan selesa. Pihak kerajaan perlulah menyalurkan sumbangan ~~kepada~~ kewangan kepada setiap penghulu kawasan yang terkena bencana air. Bantuan kewangan amatlah penting kerana dapat

memudahkan pekerjaan penghulu kawasan untuk menguruskan mangsa banjir. Dengan adanya bantuan kewangan, penghulu kawasan dapat membina pusat pemindahan lain atau mengubah suai pusat pemindahan dan barangan kemudahan. Kesannya, mangsa-mangsa akan berasa lebih selamat, aman dan selesa. Jelaslah bahawa pihak kerajaan dan penghulu kawasan perlu menyediakan bantuan seperti pusat pemindahan dan alat kemudahan kepada mangsa banjir.

Selain itu, penghulu kawasan juga perlulah menyediakan bantuan makanan. Penghulu kawasan dapat memberikan bantuan makanan dalam bentuk bahan masakan. Hal jika mempunyai peruntukan yang lebih, penghulu kawasan juga dapat menyediakan pek makanan yang dapat dimakan dengan segera. Oleh itu, mangsa banjir akan berasa tertolong dan mudah untuk makan ketika mereka lapar. Kesannya, mangsa banjir akan lebih bersyukur dan tidak akan berasa lapar dengan adanya bantuan makanan tersebut. Mereka dapat memasak makanan dalam kuantiti yang banyak untuk dibagikan kepada mangsa-mangsa lain jika mempunyai bahan masakan yang cukup. Kanak-kanak yang turut menjadi mangsa banjir juga dapat berkongsi atau bertukar dan menukar makanan sesama mereka. Bulan makin terang, bayang kian jelas bahawa bantuan makanan ~~se~~ amatlah penting untuk membantu mangsa banjir.

Akhir sekali, bantuan yang dapat disalurkan kepada mangsa banjir ialah bantuan dawa segi kewangan. Hal ini dikatakan demikian kerana mangsa banjir telah kehilangan

banyak barang berharga setelah rumah mereka ditenggelam ditenggelami air. Pihak kerajaan dapat memberikan bantuan kewangan kepada mangsa banjir dengan cara memasukkan wang ke dalam akaun mangsa. Pihak kerajaan juga boleh memberi sumbangan secara atas talian. Kesannya, mangsa banjir dapat menggantikan barang-barang yang telah rosak kerana bencana banjir. Hal ini dapat mengurangkan bebanan serta tekanan yang ditanggung oleh mangsa banjir. Dengan ini, mangsa akan lebih mudah. Dengan bantuan kewangan ini, mangsa banjir akan berasa lebih mudah untuk menguruskan rumah mereka itu. Jelaskan bahawa bantuan kewangan sangat lah membantu mangsa-mangsa banjir untuk menguruskan rumah mereka yang ditenggelami air.

Kesimpulannya, bantuan kepada mangsa banjir perlulah ditekankan dan diutamakan oleh pihak-pihak berkuasa. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka telah diuji dengan kehilangan barang berharga dan juga mungkin orang yang tersayang. Dengan adanya bantuan-bantuan ini, mereka akan lebih terbantu. Hal ini juga dapat mengurangkan tekanan dalam diri mangsa dan meringankan beban mereka. Kita perlulah saling bantu membantu antara satu sama lain agar kita hidup dengan aman dan damai.

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat menghuraikan bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa banjir.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu menghuraikan bentuk-bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa banjir. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, "*Dengan adanya bantuan kewangan, penghulu kawasan dapat membina pusat pemindahan lain atau mengubah suai pusat pemindahan dan barang kemudahan*".

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti, "*saling bantu-membantu (bantu-membantu) dan di kalangan (dalam kalangan) pusat pemindahan (pusat perpindahan)*." Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menegaskan bahawa bantuan kepada mangsa banjir perlu disalurkan oleh pelbagai pihak agar dapat mengurangkan tekanan dalam diri mangsa dan meringankan beban mereka.

2.6 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

2.6.1 Calon

- a) Menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP.
- b) Menjadikan buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai rujukan utama.
- c) Membaca bahan bacaan seperti majalah, akhbar, jurnal dan karya sastera untuk menambahkan pengetahuan, mematangkan fikiran, mengikuti perkembangan semasa serta memantapkan penguasaan bahasa.
- d) Menguasai kemahiran membaca. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
- e) Membuat latihan penulisan karangan.
- f) Menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab soalan.

2.6.2 Guru

- a) Menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP.
- b) Menjadikan buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai rujukan utama.
- c) Merancang PdP yang berkesan.
- d) Memantapkan asas penulisan karangan kepada murid pada peringkat menengah rendah agar mereka dapat menghasilkan karangan yang berkualiti.
- e) Membincangkan pelbagai isu semasa dengan murid semasa PdP untuk menghasilkan karangan yang matang.
- f) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

Penghargaan

PENGERUSI:
ENCIK BASRI BIN HASSAN

URUS SETIA:
PUAN HABIDAH@ABIDAH BINTI IBRAHIM
DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB
DR. JAIN BIN CHEE
PUAN AIMI MAHFUZAH BINTI MOHD. KAMALLUDEEN
PUAN ZALIHA BINTI MOHAMAD

EDITOR:
ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN
PUAN NORAZAH BINTI BIDI
PUAN NORHATINI BINTI SHAARI
PUAN FAIZAH BINTI SAMAD
ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS
ENCIK MAHADI BIN MAHMOD
PUAN ANGELIN CHIAH YONG LE
PUAN TAN SHAN XI
PUAN ALFIAH BINTI SALIM
ENCIK MOHD NOR FAIZALL BIN AMIR

PANEL PENULIS:
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2
KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2
KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2
KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2
KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2
KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 1
KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 2